# MANFAAT CUKAI DIKONGSI BERSAMA

## (PRASEKOLAH)




LHDN
MALAYSIA

# PENGENALAN WATAK



ENCIK IMRAN
(AYAH FATIH)

CIKGU MAWAR



AQIL    FATIH    AIMAN    SIVA    MEI MEI    HANIM


TADIKA MESRA HASIL
Mei Mei, tolaklah kuat sikit!
FATIH
Tak dapat kejar!
Jangan lah lari laju sangat.


Murid-murid, masa bermain sudah tamat.
Mari semua masuk ke kelas.
Baik cikgu!
MAWA
FATIH
AIMAN


Kawan-kawan, jom kita lawan lumba lari, siapa yang akan sampai ke kelas dulu.
Mestilah saya. Kita tengok siapa paling laju.
Okay, satu... dua...
FATIH
AIMAN
MEI MEI
HANIM


Tiga!
Yeah lari... lari...
Pin... pin...beri laluan!
Yeay! Saya menang!
Mana adil, awak lari dulu tadi.


MAWAR
Murid-murid semua, ambil tempat masing-masing. Kita dah nak mula kelas ye.


Kau lah, ajak lumba lari. Nasib baik ada kipas, boleh sejukkan badan.
Aduh, penatnya saya!
Ahh... selesanya.
SIVA


Murid-murid, hari ini kita nak berkongsi tentang cita-cita. Siapa tahu apa itu cita-cita?
MAWAR
Cinta-cinta cikgu?
Bukan cinta-cinta. Cita-cita. Maksudnya bila dah besar nanti, kamu nak jadi apa?
Saya nak jadi cikgu. Sebab saya nak ajar orang jadi pandai.
HANIM
Saya nak jadi polis sebab nak tangkap pencuri.
AQIL


Bagus Hanim dan Aqil. Awak pula Fatih, apa cita-cita awak?
Saya nak jadi sama macam ayah saya. Ayah kata dia kerja di pejabat HASiL.
Boleh cikgu tahu kenapa awak pilih cita-cita tu?


Sebab ayah bagi tahu pekerja HASiL ialah orang yang kutip cukai untuk negara.
Cukai? Apa tu Fatih?
Cukai tu duit negaralah.


UNIVERSITI
TADIKA MESRA HASIL
MAWAR
Bagus cita-cita kamu tu Fatih. Betul apa yang kamu ceritakan tadi, cukai adalah pendapatan kerajaan untuk uruskan dan majukan negara.
Sebagai contoh, duit cukai ini kerajaan guna untuk membina sekolah, universiti dan tadika kita ini. Juga taman permainan yang awak main tadi.


DEWAN
kantin
Untuk bina kantin tadika, tapak perhimpunan.
PUSPA
EKMAL
AQIL


Untuk kelas yang selesa, beli kerusi, meja, kipas, papan tulis, semua yang ada dalam kelas ini.
Banyaknya nak bayar cikgu, cukup ke semua duit cukai tu?
MAWAR


Betul, memang banyak perbelanjaan negara. Sebab itu menjadi tanggungjawab setiap individu yang bekerja dan berniaga di Malaysia untuk membayar cukai.
Maksudnya ibu dengan ayah saya pun bayar cukai ke?


Ya betul tu. ibu dan ayah kamu pun perlu bayar cukai. Semakin ramai orang bayar cukai, semakin banyak duit yang kerajaan ada, dan semakin mudah untuk majukan negara kita lagi. Bak kata pepatah 'Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.


KRING...
Baiklah murid-murid, esok kita akan sambung lagi tentang cita-cita.
Baik cikgu!


Terima kasih cikgu!
Jangan berlari, hati-hati.
HANIM
AIMAN


Eh,
hari ini
ayah ambil
saya?


Ya,
ibu kamu
masih di
pejabat.
?
Ayah,
terima kasih
sediakan tempat
belajar yang baik
untuk saya.

# KUIZ CUKAI 1

## PAGAR SESAT

***FATIH HENDAK KE SEKOLAH. TOLONG TUNJUKKAN FATIH JALAN KE SEKOLAH.***







# KUIZ CUKAI 2

## PILIH DAN WARNA

***WARNAKAN TIGA GAMBAR SUMBANGAN PEMBAYAR CUKAI KEPADA NEGARA.***










# KUIZ CUKAI 3

## CARI DAN LIHAT

**CARI DAN WARNAKAN OBJEK DALAM SENARAI DI BAWAH.**

1. PAPAN PUTIH
2. KAPAL TERBANG
3. AMBULANS
4. SEKOLAH
5. BUKU TEKS
6. KERETA POLIS
7. SENAPANG
8. KERETA BOMBA
9. UBAT-UBATAN
10. BAS SEKOLAH



# KUIZ CUKAI 4

## CARI PERKATAAN

***KE MANA WANG CUKAI DIBELANJAKAN?***
***CARI DAN WARNAKAN PERKATAAN-PERKATAAN DI BAWAH.***

1. KESELAMATAN
2. UNIVERSITI
3. KESIHATAN
4. SEKOLAH
5. INFRASTRUKTUR
6. PEMBANGUNAN
7. PERTANIAN
8. PERTAHANAN
9. KEMUDAHAN AWAM
10. BOMBA

| | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| O | K | E | S | E | L | A | M | A | T | A | N | I | H | I | K | P |
| I | L | H | C | N | I | S | W | B | U | K | L | U | N | F | E | F |
| N | Y | W | R | U | N | I | V | E | R | S | I | T | I | W | M | Q |
| F | F | A | D | V | F | V | V | K | Q | D | C | V | I | C | U | P |
| R | C | V | C | T | T | R | T | E | C | V | L | H | J | G | D | B |
| A | W | E | D | F | B | F | T | S | Y | Q | L | W | P | Q | A | E |
| S | X | P | C | V | B | V | G | I | H | A | R | S | E | F | H | A |
| T | F | S | E | K | O | L | A | H | B | B | F | X | R | I | A | P |
| R | C | W | D | R | Q | W | C | A | V | M | V | W | T | H | N | H |
| U | G | S | C | W | T | U | G | T | V | O | V | X | A | F | A | V |
| K | V | X | G | S | W | A | W | A | N | B | G | X | H | V | W | W |
| T | T | G | C | X | S | O | N | N | T | W | C | C | A | C | A | S |
| U | Q | B | E | W | S | F | E | I | G | S | H | V | N | H | M | X |
| R | S | G | D | O | Y | Y | S | F | A | X | W | V | A | Q | S | G |
| C | V | B | N | M | P | E | M | B | A | N | G | U | N | A | N | T |


LHDN MALAYSIA

# LAWATAN KE PEJABAT HASIL







Cantiknya pejabat HASiL ini.
Besarnya.
Selamat datang adik-adik ke Menara HASiL, Bangi. Nama saya Samira. Boleh panggil saya Kak Mira. Jom ikut Kak Mira ke Dewan HASiL.


Nama saya Syafiq. Boleh panggil saya Abang Syafiq. Hari ini Abang Syafiq dan Kak Mira akan berkongsi tentang satu cerita bertajuk 'Manfaat Cukai Untuk Semua'. Adik-adik tahu tak apa itu cukai?
Tahu. Duit tu nak bina tadika kami.


Ya betul, tepat sekali. cukai adalah salah satu daripada pendapatan negara kita yang digunakan untuk membangunkan negara.
HOSPITAL
Bukan sahaja untuk tadika, duit itu akan digunakan untuk membina hospital, jalan raya dan pengangkutan awam.
Untuk bina sekolah dan universiti..
Serta untuk menjaga keselamatan negara.
Bayangkan kalau semua kemudahan itu tiada?
Susahlah, tak boleh nak keluar berjalan-jalan.
Banyaknya kerajaan nak bayar.
Daripada bayaran cukai, hasilnya kerajaan pulangkan semula dengan membina pembangunan dan kemudahan sekarang.
Ini adalah kaunter perkhidmatan yang disediakan untuk selesaikan isu percukaian di pejabat HASiL.
Wah, cantiknya!
Sedia semua. 1...2...3!

LHDN
MALAYSIA

Terima kasih kerana bersama-sama
membangunkan negara.




www.hasil.gov.my

03-8911 1000

facebook.com/HASiLMalaysia

hasil_malaysia

@HASiL_Malaysia

@HASiL_Malaysia

@hasil_malaysia




**Diterbitkan oleh:**
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Khidmat Korporat,
Aras 13, Menara Hasil Cyberjaya, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

Portal Rasmi: www.hasil.gov.my

Terbitan 2024
@ Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Khidmat Korporat

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Perpustakaan Negara Malaysia
No. ISBN - 978-983-2586-26-5

9 789832 586265

Dicetak oleh:
Precious Print Sdn Bhd
No. 28, Jalan SC 5/B, Pusat Perindustrian Sg Chua, 43000 Kajang, Selangor